

**PENGARUH AGEN SOSIALISASI POLITIK  
TERHADAP MAHASISWA DAN POLITIK KAMPUS  
DI MALAYSIA**

**MUHAMMAD AMIR ASYRAF BIN MOHD SABRI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2024**

**PENGARUH AGEN SOSIALISASI POLITIK  
TERHADAP MAHASISWA DAN POLITIK KAMPUS DI  
MALAYSIA**

**oleh**

**MUHAMMAD AMIR ASYRAF BIN MOHD SABRI**

Tesis diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
**Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**September 2024**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya akhirnya saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dato' Dr. Sivamurugan Pandian selaku penyelia saya atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu menjayakan penghasilan tesis ini. Begitu juga kepada Dekan, Timbalan Dekan, barisan pensyarah khususnya Prof Madya Dr Paramjit dan staf Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang tempoh pengajian ini.

Tidak lupa dititipkan, jutaan terima kasih buat ayahanda bonda, Mohd Sabri Bin Awang dan Norina Binti Ishak atas iringan doa yang telah dipanjatkan sepanjang hayat kalian buat bekalan anakmu yang dapat dirasakan sehingga kini. Seterusnya buat isteri, Nurul Nabihah yang sentiasa menjadi tulang belakang buat saya selama ini meskipun dalam apa juu situasi susah senang, rintangan dan cabaran, anda tetap berada di takhta yang teratas. Begitu juga buat adik saya Nur Fatin Adila dan Nur Aleesya Dania atas sokongan dan doa kalian sehingga pengajian ini dapat disempurnakan dengan baik.

Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat karib saya Alif Amzah dan CT Faizah kerana memberi sokongan sepenuhnya kepada saya sejak daripada permulaan proposal sehingga penulisan laporan tesis akhirnya. Tanpa sokongan dan nasihat mereka, saya tidak akan mendapat ketabahan dan keyakinan yang sepenuhnya untuk menghabiskan tesis ini. Tiada daya melainkan kehendak dan kekuatan dari-Nya.

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN.....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan.....	1
1.2    Penyataan Masalah.....	4
1.3    Objektif Kajian.....	7
1.4    Kerangka Konseptual.....	8
1.5    Kepentingan Kajian.....	11
1.6    Definisi Istilah.....	12
1.6.1    Pengaruh Politik.....	12
1.6.2    Cabaran Politik Nasional.....	13
1.6.3    Penglibatan Politik.....	13
1.7    Skop Kajian.....	14
1.8    Organisasi Kajian.....	15
1.9    Rumusan.....	16
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1    Pengenalan.....	18
2.2    Politik Malaysia.....	19
2.2.1    Politik Kampus Sebelum dan Selepas PRU-14.....	22
2.2.2    Keadaan Politik Kampus Sebelum PRU-14.....	24

2.2.3	Keadaan Politik Kampus Selepas PRU-14.....	26
2.3	Pengaruh Agen-agenn Sosialisasi Politik.....	28
2.3.1	Pengaruh Agen Sosialisasi Keluarga.....	28
2.3.2	Pengaruh Agen Sosialisasi Institusi Pendidikan.....	31
2.3.3	Pengaruh Agen Sosialisasi Rakan Sebaya.....	33
2.3.4	Pengaruh Agen Sosialisasi Media Massa.....	35
2.3.5	Pengaruh Agen Sosialisasi Parti Politik.....	38
2.4	Cabaran Politik Nasional Yang Memberi Kesan Terhadap Kepimpinan Mahasiswa Di Kampus.....	40
2.4.1	Polarisasi Politik di Kampus.....	40
2.4.2	Tekanan Terhadap Kebebasan Bersuara.....	42
2.4.3	Pembaharuan Institusi Kampus.....	44
2.5	Mahasiswa dan Politik.....	45
2.5.1	Sejarah Gerakan Mahasiswa.....	46
2.5.2	Akta Universiti Kolej Universiti 1971.....	49
2.5.3	Penglibatan Mahasiswa dalam Politik.....	53
2.6	Rumusan.....	55

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan.....	57
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	57
3.3	Instrumen Kajian.....	58
3.4	Kajian Rintis.....	63
3.5	Sampel Kajian.....	64
3.6	Lokasi Kajian.....	66
3.7	Skala Pengukuran.....	67
3.8	Analisis Data.....	71
3.9	Rumusan.....	72

## **BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan.....	74
4.2	Latar Belakang Responden.....	74
4.2.1	Jantina dan Umur.....	75
4.2.2	Aliran dan Pembiayaan Pengajian.....	77
4.2.3	Negeri Asal.....	78
4.2.4	Tempat Tinggal Semasa.....	79
4.3	Latar Belakang Ibu Bapa Responden.....	80
4.3.1	Pekerjaan.....	80
4.3.2	Tahap Pendidikan.....	81
4.3.3	Tahap Politik Ibu dan Bapa.....	83
4.3.4	Pendapatan.....	84
4.4	Agen Sosialisasi Politik.....	86
4.4.1	Agen Sosialisasi Keluarga.....	86
4.4.2	Institusi Pendidikan.....	90
4.4.3	Rakan Sebaya.....	93
4.4.4	Media Massa.....	97
4.4.5	Parti Politik.....	100
4.5	Cabaran Politik Di Peringkat Nasional Terhadap Kepimpinan Pelajar Di Kampus.....	104
4.6	Penglibatan Dalam Politik.....	107
4.6.1	Minat Terhadap Politik.....	107
4.6.2	Kepentingan Mengundi.....	109
4.6.3	Penglibatan.....	110
4.6.4	Parti Politik Pilihan.....	112

## **BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan.....	114
-----	-----------------	-----

5.2	Ringkasan Kajian.....	115
5.3	Implikasi dan Cadangan.....	121
5.3.1	Parti Politik.....	122
5.3.2	Media Sosial.....	122
5.3.3	Keluarga.....	124
5.3.4	Institusi Pendidikan.....	124
5.3.5	Rakan Sebaya.....	125
5.4	Kesimpulan.....	127
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang.....	129
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>131</b>

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina.....	64
Jadual 4.2 Taburan Responden Mengikut Umur.....	65
Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Aliran Pengajian.....	65
Jadual 4.4 Responden Mengikut Pembiayaan Pengajian.....	66
Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Negeri Asal.....	67
Jadual 4.6 Taburan Responden Tempat Tinggal Semasa.....	68
Jadual 4.7 Taburan Responden Pekerjaan Ibu Bapa.....	69
Jadual 4.8 Taburan Responden Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	71
Jadual 4.9 Taburan Responden Tahap Politik Ibu Bapa.....	72
Jadual 4.10 Taburan Responden Pendapatan Ibu Bapa.....	74
Jadual 4.11 Tahap Pengaruh Agen Sosialisasi Keluarga.....	76
Jadual 4.12 Tahap Pengaruh Agen Sosialisasi Institusi Pendidikan.....	80
Jadual 4.13 Tahap Pengaruh Agen Sosialisasi Rakan Sebaya.....	83
Jadual 4.14 Tahap Pengaruh Agen Sosialisasi Media Massa.....	86
Jadual 4.15 Tahap Pengaruh Agen Sosialisasi Parti Politik.....	89
Jadual 4.16 Penilaian Skor Min Bagi Agen Sosialisasi Politik.....	91
Jadual 4.17 Cabaran Politik Dan Kesan Kepimpinan Mahasiswa.....	92
Jadual 4.18 Minat Terhadap Politik.....	95
Jadual 4.19 Kepentingan Mengundi.....	97
Jadual 4.20 Penglibatan Pelajar Dalam Politik.....	98
Jadual 4.21 Parti Politik Pilihan.....	100

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian.....
Rajah 1.2	Carta Alir Proses Kajian Yang Dijalankan.....

## **SENARAI SINGKATAN**

AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
BHEPA	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
NGO	Persatuan Badan Bukan Kerajaan
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PH	Pakatan Harapan
PMUM	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
PN	Perikatan Nasional
PRK	Pilihan Raya Kampus
SITC	Sultan Idris Training College
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# **PENGARUH AGEN SOSIALISASI POLITIK TERHADAP MAHASISWA DAN POLITIK KAMPUS DI MALAYSIA**

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan pengaruh agen sosialisasi politik terhadap mahasiswa dan politik kampus di Universiti Awam dalam Malaysia. Agen sosialisasi politik merujuk kepada kelompok yang berpotensi untuk memupuk nilai dan tingkah laku politik terhadap golongan sasaran. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui kaedah penyelidikan kuantitatif dan melalui agihan borang soal selidik. Sampel kajian melibatkan seramai 250 orang mahasiswa dari lima buah Universiti Awam iaitu, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kaedah pensampelan pula menggunakan teknik pensampelan berstrata dan dianalisis melalui deskriptif dan kolerasi. Kajian mendapati bahawa agen sosialisasi politik yang paling dominan dalam mempengaruhi mahasiswa adalah media massa berbanding keluarga, rakan sebaya, parti politik dan institusi pendidikan. Selain itu, terdapat dua cabaran politik nasional yang turut memberi impak pada politik kampus iaitu penglibatan mahasiswa dalam politik nasional dan polarisasi politik. Namun demikian, tahap penglibatan mahasiswa dalam politik kampus masih berada pada tahap yang sederhana. Rangkuman keseluruhanya mendapati penglibatan mahasiswa dalam proses sosialisasi politik pada tahap yang tinggi cenderung untuk terlibat secara aktif dalam bidang politik berbanding mahasiswa lain yang hanya mengalami proses sosialisasi politik pada tahap yang rendah.

# **THE IMPACT OF POLITICAL SOCIALIZATION AGENTS ON STUDENTS AND CAMPUS POLITICS IN MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

This study aims to determine the influence of political socialization agents on students and campus politics in Malaysian public universities. Political socialization agents refer to groups capable of instilling political values and behaviors among their target audience. The study employed a survey method, utilizing quantitative research and distributing questionnaires. The sample consisted of 250 students from five public universities: Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), and Universiti Malaysia Sabah (UMS). Stratified sampling technique was employed, and data were analyzed through descriptive and correlation analyses. The study found that the most significant political socialization agent influencing students is mass media, surpassing family, peers, political parties, and educational institutions. Additionally, two national political challenges impacting campus politics were identified: students' involvement in national politics and political polarization. However, student involvement in campus politics remains at a moderate level. In summary, the findings suggest that students' high-level engagement in the political socialization process tends to result in active participation in politics compared to those with low-level exposure to political socialization.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam menjelajahi dinamika politik yang berkembang di Malaysia, agen sosialisasi memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan keterlibatan politik individu. Agen sosialisasi merupakan alat pembentuk nilai dan norma yang memiliki pengaruh signifikan terhadap politik seseorang. Selain itu, agen sosialisasi merujuk pada institusi atau kelompok yang membantu menyampaikan nilai, sikap, dan norma kepada individu dalam membentuk identiti dan perspektif mereka. Keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya, media massa dan parti politik adalah contoh agen sosialisasi yang berperanan dalam membentuk fahaman politik seseorang. Berelson et. al. (1954) menekankan fungsi keluarga dan media massa sebagai agen sosialisasi yang penting. Almond (1963) pula menyatakan bahawa institusi politik turut berperanan sebagai agen sosialisasi dan disokong oleh Kavanagh (1983) yang mengetengahkan peranan keluarga, sekolah, media dan rakan sebagai sebagai agen sosialisasi. Dalam konteks Malaysia, masyarakat majmuk ini mencerminkan perpaduan negara yang erat. Hal ini secara tidak langsung menjadikan agen sosialisasi berperanan penting dalam mewujudkan persepsi politik yang kompleks dan beraneka ragam. Sebagai negara yang terdiri dari pelbagai etnik dan kelompok masyarakat, politik Malaysia mencerminkan dinamika sosial6 dan sejarah yang unik. Politik boleh ditakrifkan sebagai penggunaan kuasa atau autoriti dalam sesuatu proses penentuan keputusan secara kolektif dan menjadi arena yang penuh muslihat (Heywood, 2004). Di Malaysia, politik tidak hanya mencakupi konteks nasional tetapi juga menembusi ke dalam persekitaran kampus yang menjadi tempat pengajian golongan mahasiswa. Mahasiswa tidak hanya menerima pengaruh dari lingkungan sekitar tetapi juga menjadi

pelaku utama dalam memberi pendapat dan suara politik mereka. Secara umumnya, politik boleh memberi kesan positif atau kesan negatif. Pembangunan politik yang positif akan mewujudkan modenisasi, pertumbuhan ekonomi, sosial dan kemajuan birokrasi. Manakala, akibat bagi budaya politik negatif pula adalah menyebabkan berlakunya pertembungan ideologi politik yang berbeza-beza dan ketaksuban dalam perjuangan parti politik masing-masing. Walau bagaimanapun, hal ini adalah penting dalam membentuk kefahaman politik mereka.

Dalam spektrum politik Malaysia, kampus bukan hanya tempat pendidikan, tetapi juga panggung bagi politik kampus yang semakin berkembang. Mahasiswa yang juga berperanan sebagai agen perubahan terlibat secara aktif dalam kegiatan politik kampus. Pernyataan ini seiring dengan pendapat Altbach (1984) bahawa mahasiswa berperanan besar sebagai agen perubahan dalam konteks politik kampus terutamanya di negara-negara membangun. Pemilihan umum mahasiswa, debat, dan gerakan parti pelajar menjadi wadah di mana mahasiswa bukan hanya membentuk identiti politik mereka tetapi juga menyuarakan aspirasi dan pandangan terhadap isu-isu semasa yang relevan. Kepentingan politik kampus semakin meningkat sebagai refleksi dari perubahan sosial dan politik di peringkat global. Politik kampus menjadi arena di mana mahasiswa tidak hanya mengembangkan keterampilan kepimpinan tetapi juga mengekspresikan pandangan mereka terhadap sesuatu perkara secara lantang dan profesional.

Dalam menyingkap sejarah, golongan mahasiswa telah berperanan penting dalam mencetus perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah British (Muhamad Ali Embi, 2009). Sekitar tahun 60-an dan 70-an mahasiswa sangat aktif terlibat dalam aktiviti politik nasional kerana semangat nasionalisme yang tinggi dalam era pasca kemerdekaan. Hal ini demikian kerana pelajar tidak dikekang oleh undang-undang khusus yang menghalang mereka untuk terlibat dengan politik ketika itu. Ekoran hal ini, Akta

Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi menghalang penglibatan mahasiswa dengan mana-mana parti politik. Perkara ini telah menimbulkan kemarahan mahasiswa dengan dakwaan bahawa AUKU ini adalah usaha kerajaan bagi mengehadkan dan mengekang kebebasan bersuara mereka. Akibatnya, mahasiswa tidak dapat melibatkan diri dalam kegiatan politik secara terbuka dan hanya terbatas di kampus sahaja. Dalam pada itu, penyertaan mahasiswa dalam persidangan dan forum dilihat dapat menyumbang kepada peningkatan penglibatan mereka dalam bidang politik. Proses demokrasi kampus yang bermula dengan Pilihan Raya Kampus (PRK) dilihat sebagai cara mahasiswa untuk bersuara dengan memilih barisan kepimpinan mahasiswa di universiti masing-masing. Pada masa yang sama, PRK dilihat menjadi satu cerminan masyarakat kepada situasi politik negara.

Rentetan perbincangan yang telah dinyatakan, ianya jelas menunjukkan bahawa mahasiswa juga merupakan salah satu golongan yang penting dalam politik Malaysia. Mahasiswa juga tidak hanya menerima pengaruh politik tetapi turut bertindak sebagai penggerak utama dalam mempengaruhi perubahan sosial dan politik. Golongan ini menjadi barisan hadapan dengan idealisme yang tinggi dalam memperjuangkan isu-isu penting dan menyuarakan pandangan mereka (Lipset, 1960). Lebih-lebih lagi dalam era digital yang serba canggih ini, penggunaan media sosial telah menjadi wadah utama yang menghubungkan mahasiswa dengan dunia luar bagi mendapatkan maklumat, berdiskusi dan bertukar pendapat serta menyatakan pandangan politik secara terbuka. Malah Bennett dan Segerberg (2012), menekankan bahawa media massa telah mengubah bentuk penglibatan politik dalam kalangan golongan muda. Kenyataannya, melalui penggunaan media sosial mahasiswa menjadi lebih cakna dengan perkembangan politik (Junaidi et al., 2013) yang sekaligus telah memperkasa peranan mahasiswa dalam kancah politik dan memberi kesan kepada keaktifan mahasiswa dalam politik kampus. Kita dapat memahami bahawa pandangan politik individu tidak hanya dipengaruhi oleh faktor-faktor nasional,

tetapi juga oleh interaksi kompleks antara agen sosialisasi yang turut memberi pengaruh terhadap politik kampus yang semakin dinamik. Hubungan mahasiswa dengan penggunaan media sosial dapat mencerminkan peranan agen sosialisasi dalam memperkuatkan penglibatan mahasiswa dalam politik, yang mana ianya tidak hanya dapat membentuk identiti politik mereka tetapi juga dapat mendorong mereka untuk berperanan aktif dalam membentuk wacana politik negara. Melalui analisis yang akan dijalankan ini memperlihatkan bagaimana agen sosialisasi memainkan peranan dalam membentuk pandangan politik khususnya bagi golongan mahasiswa.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Politik di kalangan mahasiswa sebelum terbentuknya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) di Malaysia mencerminkan fasa politik yang penuh dengan semangat perjuangan, gerakan mahasiswa, dan keterlibatan aktif dalam isu-isu sosial dan politik. Fasa ini meliputi tahun 1950-an hingga 1970-an dan melibatkan mahasiswa dari berbagai lapisan masyarakat yang bersatu dalam membawa semangat perubahan dan aspirasi untuk mencapai kemerdekaan, keadilan, dan demokrasi. Malah Lipset (1967), menyatakan bahawa mahasiswa turut menjadi agen perubahan dan pemangkin dalam gerakan sosial dan politik terutamanya dalam konteks negara-negara yang sedang membangun. Selepas AUKU 1971 diperkenalkan, senario politik mahasiswa berubah secara drastik. Hal ini adalah kerana aktiviti politik mahasiswa khususnya berkaitan politik kepartian terhenti akibat kewujudan AUKU 1971. Menurut Altbach (1984), undang-undang dan peraturan seperti AUKU ini digunakan oleh kerajaan untuk mengawal dan membatasi aktiviti mahasiswa khususnya dalam konteks politik. Sloam dan Henn (2019) turut mengetengahkan pandangan mengenai undang-undang dan peraturan yang mengekang kebebasan bersuara mahasiswa sehingga boleh mencetuskan perubahan dalam pola penglibatan politik belia.

Mahasiswa tidak lagi bercakap mewakili parti mereka di dalam kampus kerana dikhawatir akan dibuang dari universiti. Mahasiswa tidak lagi boleh menjadi ahli atau menjadi sekutu kepada mana-mana pertubuhan, parti politik, kesatuan-kesatuan buruh atau apa-apa juga persatuan yang tidak mendapat kebenaran daripada pengurusan tertinggi universiti. Bagi Weiss (2011), perubahan peraturan seperti AUKU ini telah menjaskankan ruang politik bagi mahasiswa di Malaysia dan turut memberi impak jangka panjang terhadap perkembangan politik pelajar. Walaupun akta ini telah menyekat mahasiswa daripada melakukan perkara sedemikian, ianya tidak dapat menghalang mahasiswa daripada mengambil cakna mengenai politik nasional. Pada tahun 2012, mahasiswa diberi peluang untuk kembali berpolitik secara aktif di peringkat nasional dan pada tahun 2018, mahasiswa sekali lagi diberi kebebasan untuk berpolitik dalam kampus.

Dalam konteks dinamika politik di Malaysia, pemahaman mendalam tentang pengaruh agen sosialisasi, politik kampus, dan peraturan seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) terhadap pandangan politik mahasiswa menjadi penting. Penelitian ini bertujuan untuk mengeksplorasi berbagai faktor yang membentuk identiti politik mahasiswa, mulai dari agen sosialisasi hingga regulasi yang mempengaruhi politik kampus. Politik nasional tidak akan lengkap tanpa penglibatan mahasiswa. Hal ini dikatakan demikian kerana, mahasiswa termasuk dalam golongan intelektual yang memainkan peranan penting dalam membentuk ideologi dan meneruskan dominasi dalam politik (Gramsci, 1971). Parti-parti politik di peringkat nasional memerlukan mahasiswa untuk dijadikan sebagai pemimpin pelapis dan pewaris parti di masa hadapan. Tufekci (2017), berpendapat bahawa mahasiswa akan menjadi pemimpin dalam gerakan sosial dan politik moden terutamanya melalui penggunaan teknologi dan media sosial. Pada masa inilah mereka boleh membuat keputusan sendiri dan tidak dipengaruhi oleh orang dewasa, sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh (Fuad & Junaidi, 2012). Bukan itu sahaja, Xenos et al. (2019), menyatakan bahawa melalui keterlibatan dalam politik digital mahasiswa dapat menjadi

pemimpin dalam gerakan politik moden dan membuktikan kepentinan mereka sebagai pewaris kepada parti-parti politik nasional. Jika dahulu, parti-parti politik menggunakan pertubuhan-pertubuhan untuk dijadikan sebagai proksi di kampus, kini mereka boleh berpolitik secara terus di kampus. Dengan memahami interaksi kompleks antara agen sosialisasi, politik kampus, dan regulasi seperti AUKU, penelitian ini dibuat berupaya memberikan wawasan yang holistik tentang pengaruh-pengaruh yang membentuk pandangan politik mahasiswa di Malaysia serta dapat memberikan pemahaman lebih mendalam terhadap proses politik dan perubahan sosial di peringkat kampus dan nasional.

Pengaruh agen sosialisasi terhadap mahasiswa tidak hanya membentuk pandangan politik mereka, tetapi juga memberikan impak yang mendalam terhadap politik kampus. Malah Loader et al. (2014) mengetengahkan pendapat bahawa agen sosialisasi seperti media massa dapat mempengaruhi penglibatan politik golongan muda termasuk mahasiswa khususnya di era digital. Karpf (2020), turut menyatakan bahawa agen sosialisasi digital seperti platform media massa dapat mempengaruhi cara mahasiswa terlibat dalam politik termasuklah memperlihatkan bagaimana politik kampus kini lebih dipengaruhi oleh wacana dalam talian. Kesannya pemupukan dalam bidang politik lebih aktif, dapat mempunyai pemahaman politik yang mendalam, dan pembentukan identiti politik individu. Namun demikian, penyelidikan ini akan dilakukan bagi melihat bagaimana pengaruh agen sosialisasi membentuk keterlibatan yang aktif dalam identiti politik mahasiswa serta menambah pemahaman mengenai isu-isu politik di kampus. Selain itu, terdapat juga cabaran yang memerlukan perhatian. Sejauh mana polarisasi pandangan politik, keterbatasan pemahaman alternatif, dan potensi konflik politik di antara mahasiswa menjadi tantangan hasil dari pengaruh agen sosialisasi, dan bagaimana kampus dapat mengelola tantangan tersebut untuk menciptakan lingkungan yang inklusif dan harmonis.

Dalam konteks ini, pemahaman yang mendalam tentang kesan dan cabaran ini menjadi penting untuk membentuk lingkungan politik yang seimbang, inklusif, dan harmonis. Penglibatan mahasiswa dalam arena politik adalah satu semangat demokrasi yang hidup seperti pendapat Norris (2011) bahawa keterlibatan semua lapisan masyarakat termasuk mahasiswa amat penting bagi memastikan kelangsungan demokrasi yang berkesan dan responsif. Malah Piketty (2020), turut menyatakan bahawa keterlibatan mahasiswa dalam politik amat penting bagi memastikan keseimbangan kuasa dalam demokrasi sekaligus berperanan penting dalam merombak sistem politik yang tidak adil. Penyertaan aktif dalam perbincangan politik menjadikan mahasiswa tidak hanya memperkaya wawasan mereka sendiri, tetapi juga memberikan suara yang kuat untuk perubahan dan kemajuan. Keterlibatan mereka memperlihatkan bahawa mahasiswa merupakan agen perubahan yang mampu membangun negara. Justeru itu, mahasiswa sebagai agen intelektual, membawa pemikiran kritis dan visi inovatif ke dalam dunia politik, menciptakan ruang untuk pandangan dan pendapat mahasiswa yang lebih baik".

Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti agen sosialisasi manakah yang mempengaruhi politik kampus. Seterusnya, kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti cabaran politik nasional yang memberi kesan pada di peringkat kampus. Adakah politik nasional ini dapat betul-betul memasuki kampus dan menjadi pegangan pemimpin mahasiswa atau sebaliknya. Akhir sekali, kajian ini juga akan memperlihatkan kepentingan penglibatan mahasiswa sebagai agen perubahan yang signifikan dalam mewujudkan nilai-nilai demokrasi.


### **1.3 Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti pengaruh agen sosialisasi politik nasional terhadap politik kampus.
2. Menerokai cabaran politik di peringkat nasional yang memberi kesan terhadap

kepimpinan mahasiswa di kampus.

3. Menghuraikan tahap penglibatan mahasiswa dalam politik.

#### 1.4 Kerangka Konseptual



**Rajah 1.4: Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka asas kajian ini dibuat berdasarkan pendekatan sosialisasi politik. Bagi memastikan objektif dapat dipenuhi, penelitian telah dibuat oleh pengkaji melalui peranan agen sosialisasi iaitu parti politik, media massa, institusi pendidikan, rakan sebaya dan keluarga. Agen-agen sosialisasi ini dipilih kerana ianya dilihat boleh mencapai objektif yang telah digariskan oleh pengkaji. Sosialisasi politik adalah proses pembelajaran dan penanaman nilai pengetahuan serta perspektif politik oleh pelbagai lapisan agen sosialisasi dalam masyarakat. Proses ini membentuk pemahaman individu terhadap sistem politik, partisipasi dalam kehidupan politik, serta pembentukan identiti politik mereka. Sosialisasi politik juga merupakan satu proses yang akan menjadikan seseorang itu mengenali politik, seperti mana yang dikatakan oleh Rush dan Althoff (1971). Melalui sosialisasi politik ini, masyarakat dapat mempelajari, menghayati dan menyesuaikan diri dengan norma dan perspektif politik yang lebih meluas. Hal ini bertepatan dengan pandangan Kavanagh (1983) bahawa sosialisasi politik adalah suatu proses seseorang individu mempelajari dan menginternalisasi nilai-nilai, norma dan sikap politik mereka.

Proses ini bukan sahaja berlaku secara langsung melalui pengalaman peribadi tetapi juga berlaku secara tidak langsung melalui interaksi sosial dan pendedahan kepada simbol-simbol politik dan wacana awam. Rush dan Althoff (1971) juga memberi penekanan bahawa sosialisasi politik penting dalam membentuk warganegara yang berpengetahuan, melibatkan diri dan komited kepada sistem politik yang ada.

Seterusnya, Gabriel Almond (1963), yang menekankan sosialisasi politik adalah sebahagian daripada budaya politik yang merangkumi nilai, sikap dan kepercayaan yang dikongsi masyarakat. Beliau telah melihat sosialisasi politik ini sebagai satu mekanisme penting dalam memastikan kesinambungan dan kestabilan budaya politik. Langton (1969) pula menyatakan budaya politik dalam kalangan masyarakat dapat disampaikan daripada generasi ke generasi melalui sosialisasi politik. Dalam konteks ini, sosialisasi politik berperanan sebagai medium penting bagi proses pemindahan budaya politik dari satu generasi ke generasi bagi memastikan berlakunya kesinambungan ideologi dan kestabilan politik dalam masyarakat. Budaya politik yang disampaikan melalui proses sosialisasi politik ini merangkumi komponen seperti kepercayaan terhadap sistem politik, keyakinan terhadap proses demokrasi dan sikap terhadap autoriti politik. Oleh yang demikian, sosialisasi politik bukan sahaja mengajar seseorang individu tentang bagaimana sistem politik berfungsi tetapi juga dapat mengembangkan identiti politik yang selaras dengan budaya politik yang ada dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, sosialisasi politik berlaku dalam proses yang dinamik dan tidak statik, di mana seseorang individu itu akan terus dipengaruhi oleh perubahan dalam lingkungan politik dan sosial. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang berfokus kepada proses sosialisasi politik dalam kalangan mahasiswa. Kerangka ini menggambarkan bagaimana agen-agen sosialisasi politik mempengaruhi tahap penglibatan politik mahasiswa di kampus. Seperti mana yang telah dijelaskan, kajian ini menggunakan pendekatan sosialisasi politik sebagai asas untuk memahami peranan

penting agen-agen sosialisasi seperti keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya, media massa dan parti politik dalam membentuk pandangan dan sikap politik mahasiswa. Mahasiswa adalah subjek utama kajian, di mana tingkah laku politik mereka tidak terbentuk sendiri tetapi dipengaruhi oleh beberapa agen sosialisasi politik iaitu keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya, media massa dan parti politik. Setiap agen ini memainkan peranan unik dalam membentuk pandangan politik mahasiswa sekaligus mempengaruhi keaktifan mereka dalam politik kampus

Dalam konteks inilah kita dapat memperincikan peranan penting agen sosialisasi dalam memberi pengaruh yang signifikan kepada pegangan ideologi politik seseorang. Kajian oleh Sigal (1965) menekankan peranan agen sosialisasi seperti media dan rakan sebaya dalam proses sosialisasi politik. Kavanagh (1983) turut menekankan peranan pelbagai agen sosialisasi seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah dan media sosial dalam proses sosialisasi politik seseorang. Malah, kajian terkini oleh Ahmad dan Latif (2020) menunjukkan bahawa media digital kini menjadi sumber utama bagi generasi muda untuk mendapatkan maklumat berkaitan politik. Media massa khususnya media sosial berperanan sebagai agen sosialisasi utama yang membentuk pandangan politik, penyebaran maklumat dan mobilisasi sosial. Oleh yang demikian, jelaslah peranan agen sosialisasi memberi pengaruh besar terhadap pembentukan ideologi politik seseorang individu terutamanya mahasiswa dan sekaligus membentuk corak pembawakan politik dalam kampus oleh mahasiswa. Penemuan ini selaras dengan kajian Shah et al. (2021) dalam konteks politik kampus yang menekankan media sosial dan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam proses sosialisasi politik. Agen-agen sosialisasi ini memainkan peranan yang signifikan bukan sahaja dalam mempengaruhi pandangan politik mahasiswa tetapi juga akan mencerminkan dan membentuk corak politik dalam kampus sekaligus mencerminkan dinamika politik yang lebih luas di kalangan masyarakat Malaysia.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Mahasiswa merupakan golongan yang penting dalam mencorakkan politik negara. Golongan ini menyambung pengajian di universiti untuk memastikan mereka memperoleh kejayaan dalam akademik dan kurikulum. Hal ini berkesinambungan dengan penglibatan politik kampus yang menjadi peluang mereka untuk meningkatkan lagi kemahiran khususnya dalam aspek kepimpinan. Parti-parti politik pula memerlukan mahasiswa bagi memastikan mereka boleh terus melahirkan pemimpin-pemimpin baharu, di samping memastikan pengaruh mereka dapat diperluaskan. Justeru, kajian ini adalah sangat penting bagi melihat sejauhmana agen sosialisasi mempengaruhi kepimpinan pelajar di kampus. Hal ini kerana mahasiswa ini datang dari pelbagai latar belakang di 222 parlimen di seluruh Malaysia. Menurut statistik oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2019 terdapat 1,323,449 mahasiswa yang berada di IPT, dengan 567,625 daripadanya terdiri daripada pelajar di universiti awam.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pengaruh agen sosialisasi manakah memberi impak kepada politik kampus. Pengaruh ini akan diukur melalui agen sosialisasi politik yang telah digariskan. Kajian ini akan melihat agen manakah yang dominan dan berperanan dalam politik di peringkat kampus. Tambahan lagi, kewujudan teknologi canggih seperti media sosial turut mencetuskan ledakan revolusi politik masa ini. Melalui kajian ini juga akan dapat menjelaskan cabaran politik nasional yang mempengaruhi pelajar di peringkat kampus. Mahasiswa merupakan salah satu komponen yang penting kepada negara dan memberi kesan kepada struktur politik negara sejak dahulu hingga ke hari ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan meningkat pemahaman terhadap penglibatan mahasiswa dalam politik kampus sekali gus dapat membantu pihak-pihak berkepentingan dalam memahami corak politik mahasiswa di Malaysia.

Kajian ini juga akan dapat menilai keberkesanannya pembolehubah sosialisasi politik

terhadap pengaruh politik nasional di peringkat kampus. Ianya dapat diketahui melalui perbezaan demografi, pemahaman terhadap parti politik, pengaruh media dan geografi responden. Kajian ini dilakukan berdasarkan soal selidik dan tinjauan secara pembacaan. Selain itu, kajian ilmiah tentang politik di peringkat mahasiswa ini mampu menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan seterusnya menjadi rujukan kepada pihak yang memerlukan atau mereka yang berminat pada masa yang akan datang.

## **1.1 Definisi Istilah**

Dalam konteks definisi istilah, tiga istilah utama yang menjadi operasional ialah pengaruh politik, cabaran politik, dan penglibatan mahasiswa dalam politik. Definisi ini juga menjadi teras kepada objektif kajian yang dijalankan.

### **1.6.1 Pengaruh Politik**

#### Konseptual

Pengaruh politik merupakan proses dimana penerapan nilai-nilai politik diterapkan dalam diri individu. Almond dan Verba (1963), menekankan pengaruh politik adalah komponen penting dalam budaya politik. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia mencerminkan tahap keterlibatan individu dalam proses politik dan membuktikan penerimaan mereka terhadap nilai-nilai politik yang dominan.

#### Operasional

Dalam kajian ini, pengaruh politik dirujuk melalui peranan agen-agen sosialisasi yang mempengaruhi nilai dan corak politik mahasiswa. Agen-agen ini digunakan untuk mengukur pengaruh politik nasional di peringkat kampus. Khairul et al. (2018) mengetengahkan bahawa agen sosialisasi memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan politik mahasiswa dan kemudiannya telah diterjemahkan oleh mereka melalui

politik di kampus.

### **1.6.2 Cabaran Politik Nasional**

#### Konseptual

Cabaran politik peringkat nasional memberi kesan terhadap kepimpinan mahasiswa di kampus dalam memperlihatkan bagaimana nilai-nilai politik mampu mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam berpolitik. Dalam konteks politik di Malaysia, Fauzi (2017) menggariskan bahawa cabaran politik nasional di Malaysia termasuklah isu-isu seperti politik identiti dan ketidakstabilan politik boleh mempengaruhi mahasiswa.

#### Operasional

Dalam kajian ini, cabaran politik dirujuk tentang bagaimana nilai politik nasional itu mampu memberikan kesan di peringkat kampus. Dalam kajian ini, cabaran politik di peringkat nasional diambil kira untuk melihat sama ada keadaan yang berlaku di peringkat nasional mempengaruhi corak politik mahasiswa di kampus. Malah penyelidikan Faris et al. (2020), menunjukkan bahawa cabaran politik di peringkat nasional sering kali mencerminkan dan mempengaruhi dinamika politik di kampus.

### **1.6.3 Penglibatan Politik**

#### Konseptuals

Penglibatan politik di kalangan mahasiswa adalah fenomena yang penting dalam konteks pembentukan pemimpin masa depan dan pembangunan masyarakat. Mahasiswa sering dianggap sebagai agen perubahan yang memainkan peranan utama dalam menyuarakan pendapat dalam mengetengahkan isu semasa. Ahmad dan Rosman (2019) mendapati bahawa mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti politik kampus menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk turut serta dalam proses politik di dalam kampus

mahupun di luar kampus.

### Operasional

Dalam penyelidikan ini, istilah ‘penglibatan politik’ merujuk kepada sejauh mana mahasiswa terlibat dalam aktiviti politik yang dianjurkan oleh mana-mana parti politik. Tahap keterlibatan dalam arena politik ini dinilai berdasarkan frekuensi kehadiran mahasiswa dalam aktiviti yang dijalankan oleh parti politik. Penelitian Azmi et al. (2019) telah menunjukkan bahawa keterlibatan politik di kalangan mahasiswa adalah indikator penting untuk memahami sejauh mana mahasiswa dipengaruhi dinamika politik semasa.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan pada tahun 2023 ini melibatkan pelajar tahun dua dan ke atas yang sedang menjalani pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pemilihan universiti-universiti ini dilakukan berdasarkan zon utara, tengah, selatan, timur, dan zon Borneo. Sehubungan dengan itu, kajian ini merangkumi kesemua zon universiti di Malaysia bagi mewakili keseluruhan IPTA dalam negara ini.

Mohd Suhaimi (1995) telah mengutarakan bahawa universiti awam sering menjadi tempat di mana parti politik mengambil bakal pemimpin untuk parti mereka. Oleh itu, pemilihan universiti awam sebagai fokus kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini tetap boleh menjadi rujukan yang berguna untuk memahami pengaruh politik nasional di peringkat kampus.

Mahasiswa dari tahun dua dan ke atas dipilih berdasarkan hasil pemerhatian yang telah dilakukan. Kajian lepas memperlihatkan bahawa kebanyakan mahasiswa terlibat aktif dalam aktiviti politik di peringkat kampus setelah memasuki tahun kedua pengajian. Pada

peringkat ini, mahasiswa juga diberikan peluang menjadi calon dan mengambil bahagian dalam pemilihan majlis perwakilan pelajar atau kesatuan mahasiswa. Ekoran hal ini, kebanyakan mahasiswa yang terlibat secara aktif dalam arena politik nasional juga memulakan keterlibatan mereka apabila mencapai tahun kedua pengajian dan seterusnya.

Kebolehpercayaan dan kejituuan maklumat yang terkandung dalam kajian ini juga bergantung kepada integriti responden yang memberikan jawapan terhadap soalan-soalan yang diajukan. Perlu ditekankan bahawa terdapat soalan-soalan yang bersifat sensitif dan kompleks yang mungkin memerlukan penilaian dan jawapan yang teliti dari pihak responden.

## **1.7 Organisasi Kajian**

Kajian ini telah disusun dalam merangkumi 5 bab secara keseluruhannya. Bab 1 akan menyentuh aspek-aspek seperti permasalahan, objektif, konseptual, kepentingan, skop, dan organisasi kajian secara terperinci. Bab 1 ini dianggap sebagai unsur yang kritis kerana ia membentuk bahagian paling utama dalam kajian yang mampu menentukan proses kajian secara keseluruhannya. Melalui bab ini juga pengkaji dapat memperluas penulisan untuk bab-bab lain dalam kajian.

Bagi bab 2 pula, pengkaji akan membincangkan aspek-aspek politik, agen sosialisasi politik, dan sistem politik di Malaysia secara terperinci. Dalam bab ini, pengkaji mengupas dengan mendalam mengenai situasi politik semasa di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan bagaimana Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) membataskan aktiviti politik mahasiswa dengan menyekat gerakan-gerakan mereka. Pembatasan ini mengakibatkan mahasiswa tidak dapat terlibat secara langsung dalam arena politik. Perbincangan diteruskan dengan cabaran politik di peringkat nasional yang memberi kesan terhadap kepimpinan pelajar di kampus. Seterusnya, perbincangan diteruskan dengan mengukur tahap penglibatan mahasiswa dalam politik.

Bab 3 akan membincangkan secara mendalam mengenai kaedah kajian. Bab ini akan merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, kajian rintis, sampel kajian, lokasi kajian, skala pengukuran kajian dan analisis data kajian. Selepas selesai bab 3, bab 4 dan bab 5 dapat diteruskan. Bab 5 dan 4 akan mempersebahkan segala hasil kajian berdasarkan objektif yang telah dirangka. Bab 4 akan menjadi bab yang akan menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai hasil kajian. Bab 4 juga akan menjelaskan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian. Bab 5 pula akan menjadi bab dimana pengkaji akan mencadangkan beberapa contoh solusi yang boleh dikemukakan hasil daripada dapatan kajian yang telah dibuat dan diperoleh. Cadangan ini akan membantu pengkaji lain untuk membuat kajian yang lebih lanjut di masa akan datang.

## **1.8 Rumusan**

Mahasiswa merupakan kelompok yang berkait rapat dengan agen sosialisasi politik. Mereka sebagai golongan penuntut ilmu, tidak terkecuali dari pengaruh agen sosialisasi politik, terutama dalam konteks politik nasional yang membentuk dasar dan nilai-nilai politik. Kajian ini bertujuan sebagai panduan untuk pihak berkenaan agar memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap pembentukan sahsiah mahasiswa melalui proses sosialisasi politik. Kepentingan pengaruh agen ini dalam kehidupan mahasiswa terlihat dari keterlibatan mereka dalam politik kampus. Pembatasan atau pengaruh agen sosialisasi politik dapat membentuk bagaimana mahasiswa terlibat dalam aktiviti politik di kampus. Hal ini dapat dilihat dalam pilihan raya kampus, di mana mahasiswa diberi kepercayaan untuk memilih wakil pemimpin pelajar dan mengekspresikan pendapat mereka.

Dengan memahami hubungan yang kompleks antara agen sosialisasi politik, mahasiswa, dan politik kampus, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada kesedaran mengenai pentingnya memperkuatkan jati diri mahasiswa dalam meneruskan kemenjadian politik nasional dan setempat. Melalui tindakan yang tepat, negara dapat

memastikan bahwa mahasiswa terus menjadi agen perubahan yang positif dalam memangkinkan corak politik yang lebih matang.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kebanyakan penelitian politik di Malaysia memfokuskan penglibatan politik secara umum tanpa memberikan perhatian yang lebih terhadap peranan agen sosialisasi dalam kalangan mahasiswa dan suasana politik di kampus. Kajian politik di Malaysia cenderung untuk menumpukan kepada penglibatan politik secara umum terutamanya dalam konteks politik nasional dan pilihan raya. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kajian lepas seperti Mazli et al. (2020) yang menunjukkan bahawa kajian yang dijalankan lebih berfokuskan kepada aspek seperti dinamika parti politik, pola pengundian dan persepsi awam terhadap bagaimana agen sosialisasi seperti keluarga, rakan sebaya dan media mempengaruhi penglibatan politik mahasiswa. Walaupun kajian yang dijalankan oleh Mahmud dan Zulkifli (2020) menunjukan media sosial sebagai agen sosialisasi yang mempengaruhi kesedaran politik dalam kalangan mahasiswa namun kajian khusus yang mengaitkan pengaruh ini dengan suasana politik kampus masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya. Malah kajian-kajian lepas yang dijalankan seperti Kamarudin (2020) mengenai pengaruh agen sosialisasi seperti rakan sebaya dan institusi pendidikan mempunyai kekurangan kajian secara khusus yang meneliti bagaimana agen-agen sosialisasi ini berfungsi selepas perubahan drastik dalam aspek politik seperti PRU-14. Hal ini turut menyebabkan kajian yang khusus mengenai pengaruh agen sosialisasi politik terhadap mahasiswa dan suasana politik di kampus masih terbatas dan kurang mendalam. Ekoran masalah tersebut, perbincangan dan kajian akademik mengenai isu ini kurang mendapat sambutan. Bab ini akan mengolah perbincangan kepada beberapa topik kecil iaitu sistem politik Malaysia, peranan agen-agen sosialisasi, cabaran politik nasional dan penglibatan mahasiswa dalam politik. Dalam menyentuh isu-isu terkini dalam arena politik

Malaysia, perbincangan akan memberi fokus kepada politik Malaysia yang mencerminkan kepelbagaiannya perspektif dalam masyarakat. Agen sosialisasi memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran politik, sementara cabaran politik menandakan perubahan dalam landskap politik Malaysia. Hal ini juga mewujudkan penglibatan mahasiswa dalam politik yang memberikan pemahaman lebih baik tentang peranan mahasiswa dalam proses demokrasi di dalam kampus.

## **2.2 Politik Malaysia**

Istilah ‘politik’ berasal dari bahasa Greek, iaitu ‘polis’ atau ‘negara kota’. Pemahaman istilah ini dipilih bagi menjelaskan latar belakang sejarah yang menunjukkan bagaimana konsep politik telah berkembang dari masa ke masa. Pemahaman ini penting bagi memberikan pemahaman asas kepada istilah politik itu. Konsep diguna pakai hari ini termasuk demokrasi, aristokrasi, tirani dan sebagainya diambil sempena bahasa tersebut. Perkataan politik dalam bahasa lain juga membawa maksud yang lebih kurang sama. Oleh itu, perkataan politik pada asalnya bersifat neutral. Bukan itu sahaja, ahli falsafah Yunani, Aristotle beranggapan bahawa politik adalah aktiviti yang mulia kerana membolehkan manusia menggunakan proses ini bagi melatih diri menjadi seorang yang adil, bijaksana dan memikirkan kepentingan bersama. Pelbagai definisi dan analogi telah diberikan terhadap politik serta tokoh-tokoh politik sendiri tidak dapat mencapai satu definisi yang pasti, kerana setiap individu mempunyai pandangan yang berbeza. Butler mendeskripsikan politik sebagai ‘seni serba kemungkinan’, D’Israeli melihat politik sebagai ‘seni memerintah manusia menerusi tipu muslihat’ sementara Hitler mentakrifkan politik sebagai ‘seni berkenaan pergelutan hidup sesuatu bangsa di dalam mempertahankan kewujudannya di muka bumi’ dan Mao Zedong memandang politik sebagai ‘peperangan tanpa darah dan peperangan itu ialah politik yang telah pun berdarah’.

Istilah-istilah politik ini membentuk bahasa khusus yang digunakan untuk

membincangkan dan menggambarkan fenomena politik dalam penyampaian pemikiran dan gagasan di dalam domain politik. Contoh istilah politik termasuk ‘demokrasi’, ‘otoriterisme’, ‘pilihan raya’, ‘parti politik’ dan sebagainya. Istilah-istilah ini memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat. Politik berkait rapat dengan kerajaan dan pemerintahan yang merupakan jentera yang melaksanakan pentadbiran negara. Kuasa kerajaan memungkinkan pembentukan dasar-dasar dan pelaksanaan keputusan atas nama negara. Dengan kata lain, kerajaan memiliki kuasa penuh untuk menentukan nasib serta masa depan rakyat dan negara. Apabila pentadbiran negara berjalan dengan efisien, rakyat dapat menikmati manfaat seperti kemakmuran dan perkongsian kekayaan negara. Katni mendefinisikan negara sebagai ‘satu jentera atau agensi yang mempunyai kekuasaan tertentu bagi mentadbir hal ehwal rakyat bagi pihak rakyat sendiri’, Laski pula menyatakan negara adalah ‘satu kelompok masyarakat yang telah bersatu dan mendapat satu kuasa yang sah di sisi undang-undang’.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Sistem ini mencerminkan nilai-nilai demokrasi di mana kuasa politik dipegang oleh rakyat, dan pilihan rakyat diwakili oleh wakil-wakil yang dipilih untuk membentuk parlimen. Menurut Mujibu et al. (2010) sistem demokrasi ini terlahir dari evolusi pemikiran liberalisme yang mengutamaan aspek kebebasan dan kedaulatan. Jayam (2003) mendefinisikan demokrasi sebagai ‘the government of the people, by the people and for the people’ (p. 11). Manakala Ishak dan Afifi (2006), mendefinisikan demokrasi sebagai pemerintahan rakyat yang mana rakyat mengambil bahagian dalam proses menentu, membentuk dan mengawal pemerintahan negara. Sementara Rohana et al. (2008) mendefinisikan demokrasi sebagai satu proses rakyat memilih pemimpin dan parti untuk memerintah negara. Malaysia memperlihatkan usaha untuk mencapai sistem politik yang mengiktiraf hak-hak dan kebebasan warganegara, walaupun terdapat beberapa kritikan dan isu-isu yang perlu diatasi dalam melengkapkan proses pendemokrasian. Selain itu,

demokrasi turut menekankan tentang kebebasan bersuara, berorganisasi, media, pemerintahan berasaskan majoriti, hak minoriti dihormati, layanan sama rata dan undang-undang bebas daripada sebarang campur tangan. (Mahadee & Bassit, 2008).

Selain itu, bagi memastikan sistem persekutuan beroperasi, sebuah peraturan bertulis telah digubal. Peraturan ini dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan yang berperanan sebagai panduan utama dalam hal pemerintahan dan pembentukan undang-undang. Ramanathan (1987) mentakrifkan perlembagaan sebagai prinsip asas yang menunjangi pengasasan sesebuah negara dan memperkenalkan sistem pemerintahan seperti yang termaktub sama ada dalam undang-undang atau adat resam.

Seterusnya, sistem pemerintahan Raja Perlembagaan berdasarkan model sistem pemerintahan Westminster ini banyak dianut oleh negara-negara Komanwel dan mengekalkan elemen-elemen demokratik sambil melestarikan unsur tradisional monarki dalam kerangka konstitusi. Malaysia juga menjalankan sistem demokrasi berparlimen yang berasaskan prinsip pembahagian kuasa melalui tiga badan utama iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif, dan Badan Kehakiman. Tujuan utama dari konsep pembahagian kuasa ini adalah untuk membentuk keseimbangan yang efektif dalam pentadbiran negara (Ramanathan, 1986). Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang ditubuhkan pada 4 September 1957 memainkan peranan penting dalam menjalankan proses pilihan raya dengan perkembangan strukturnya dari seorang pengerusi dan tiga ahli pada awal penubuhannya hingga sekarang memiliki Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan lima orang ahli.

Walaupun Malaysia mengamalkan prinsip demokrasi dan sistem politik berparlimen, sistem ini turut mencerminkan warisan dan nilai-nilai tradisional, termasuk elemen monarki konstitusional. Keseluruhan, sistem politik Malaysia memperlihatkan usaha untuk mencapai keseimbangan antara kebebasan demokrasi, kestabilan politik, dan penghormatan terhadap warisan budaya dan sistem monarki.

### **2.2.1 Politik Kampus sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14**

Politik kampus mencerminkan dinamika dan perubahan dalam pandangan serta pendapat mahasiswa terhadap isu-isu politik semasa. Kepentingan politik kampus telah menjadi subjek yang semakin menarik perhatian, terutama sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Pilihan Raya Umum ke-14 ini telah menyaksikan perubahan kerajaan yang signifikan yang menjadi titik tolak kepada perubahan dalam lanskap politik negara. Faktor ini telah menjadi faktor utama mengapa kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada pilihan raya Umum ke-14. Hal ini dikatakan demikian kerana, pilihan raya ini bukan sahaja memberikan impak kepada perubahan dalam politik negara, tetapi turut mencetuskan gelombang perubahan dalam politik kampus sekaligus menyerlahkan peranannya sebagai medium untuk mewujudkan transformasi dan perubahan. Melalui kajian Junaidi et al. (2013), politik kampus satu platform yang membolehkan mahasiswa untuk mengasah bakat dan membentuk peribadi kepimpinan.

Sebelum Pilihan Raya Umum ke-14, politik kampus diwarnai oleh ketidakpastian dan kurangnya kesedaran politik di kalangan mahasiswa. Kajian Mazli et. al. (2015), mendapati keadaan politik di kampus sebelum PRU-14 ditandai dengan sikap pasif mahasiswa yang bertitik tolak daripada pelbagai faktor seperti kawalan ketat oleh pihak pentadbiran universiti dan tekanan dari pihak berkuasa. Aktiviti politik cenderung terbatas kepada kelompok-kelompok tertentu, dan penglibatan mahasiswa tidak mencerminkan kepelbagaian pandangan dan aspirasi yang ada. Mahasiswa tidak melihat aktiviti politik kampus sebagai platform yang signifikan untuk menyuarakan pendapat mereka. Kajian Sani dan Idris (2019), menyatakan bahawa faktor seperti kurangnya peluang untuk berdebat di kampus dan kurangnya sokongan dari pihak universiti turut menyebabkan pelajar menjadi passif dalam kegiatan politik dalam politik kampus dan luar kampus. Namun, kedatangan Pilihan Raya Umum ke-14 telah mengalami perubahan

yang menarik perhatian, terutama dalam penglibatan mahasiswa dalam aktiviti politik. Keperluan untuk memahami dan memberikan sumbangan kepada proses demokratik negara mungkin telah mendorong mahasiswa untuk lebih aktif terlibat dalam perbincangan, perhimpunan, dan kempen politik di kampus. Pelibatan pelajar tidak lagi terhad kepada beberapa individu atau kelompok, tetapi telah meluas kepada lapisan mahasiswa yang lebih besar.

Selepas Pilihan Raya Umum ke-14, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti politik kampus mungkin telah berkembang menjadi satu fenomena yang lebih meluas dan bermakna. Kajian Mahmud dan Zulkifli (2022) mendapati perubahan landskap politik negara selepas PRU-14 telah memberikan dorongan besar dan menjadi titik tolak kepada transformasi dalam politik kampus terutamanya dalam konteks penglibatan mahasiswa. Mahasiswa mungkin telah menyedari bahawa mereka memegang peranan penting dalam membentuk dan mempengaruhi sikap politik di kampus, serta memberikan suara mereka kepada isu-isu penting yang berkaitan dengan mereka secara langsung. Hal ini memperlihatkan bahawa seiring dengan situasi politik negara, yang mana keterlibatan mahasiswa secara aktif dalam politik kampus akan menjadi dasar yang kuat bagi pengembangan pemimpin masa depan dan dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam pembentukan politik sesebuah negara (Junaidi et al., 2013). Mahasiswa mula melihat politik kampus sebagai sebuah medium penting untuk menyuarakan pandangan dan memperjuangkan isu-isu yang relevan dan berkait dengan mereka. Kajian Aziz dan Husin (2022) mendapati PRU-14 telah memacu peningkatan dalam aktivisme dan penglibatan politik di kampus. Kajian ini juga mendapati perubahan dalam sikap politik mahasiswa yang kini lebih proaktif dan bersemangat meglibatkan diri dalam politik kampus. Oleh itu, perubahan dalam politik kampus bukan sahaja mencerminkan transformasi dalam pandangan dan kesedaran politik pelajar, tetapi juga menonjolkan bagaimana penglibatan pelajar dalam aktiviti politik kampus telah menjadi lebih dinamik

dan melibatkan lebih banyak pihak. Hal ini menjadi satu indikator penting bahawa politik kampus bukan sekadar refleksi daripada politik nasional, tetapi juga arena penting di mana pelajar dapat menyuarakan pendapat dan berkontribusi kepada pembentukan persekitaran kampus yang lebih inklusif dan demokratik.

### **2.2.2 Keadaan Politik Kampus Sebelum PRU-14**

Sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), politik kampus di Malaysia mencerminkan suasana yang kurang aktif dan kurang bersemangat di kalangan pelajar universiti dan kolej. Kajian Loh dan Muhammad (2017) mendapati suasana politik kampus ditandai oleh penglibatan politik yang rendah dengan banyak pelajar kurang berminat yang terlibat dalam proses politik dan demokrasi di kampus. Kajian Yusof dan Nordin (2018) mendapati budaya politik pasif di universiti-universiti Malaysia sebelum PRU-14. Kajian ini menunjukkan bahawa kurangnya pengibatan pelajar dalam politik dan demokrasi di kampus adalah hasil dari budaya politik yang tidak menggalakkan aktivisme dan penglibatan pelajar dalam politik. Keadaan ini tercermin melalui ketidakpastian mengenai kepentingan politik dalam kehidupan harian pelajar, kurangnya perbincangan terbuka, ketiadaan dominasi parti politik atau kelompok-kelompok tertentu, serta pelibatan pelajar yang terhad dalam aktiviti politik. Kajian Abdul Hadi (2014), penglibatan belia dalam PRU yang lepas dilihat amat meruncing. Kajian Khalid dan Abdullah (2015) mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa lebih mementingka tujuan akademik dan kerjaya sehingga menyebabkan aktiviti politik kampus tidak menjadi keutamaan. Kajian Lee dan Ng (2016) mendapati banyak pelajar tidak menganggap aktiviti politik sebagai sesuatu yang penting atau relevan dengan kehidupan mereka sehingga menyebabkan kurangnya penglibatan pelajar dalam politik kampus. Sebelum PRU-14, tidak terdapat dominasi parti politik atau kelompok-kelompok tertentu dalam arena politik kampus. Parti-parti politik kurang aktif dalam merentasi kampus, dan aktiviti politik lebih bersifat